

NeuHair Inai

PEWARNA & PENJAGAAN RAMBUT
2 DALAM 1

HAIR COLOR
And
Conditioner

Instruction Manual

Sila baca manual ini dengan teliti sebelum mengguna.
Please read the instruction carefully before use.

Serlahkan Diri Baharu,
Bersinar Dengan Keyakinan



Sila imbas Kod QR untuk
info yang lanjut

Perhatian

Semasa Warnakan Rambut

- Pastikan anda telah melakukan ujian alahan kulit sebelum mewarnakan rambut anda.
- Semasa mewarnakan rambut, jangan mandi atau basahkan rambut, untuk mengelakkan terkena muka dan mata. Jika bahan pewarna termasuk ke dalam mata, sila bilas dengan air sejuk atau suam selama 15 minit dan jumpa doktor untuk rawatan.
- Produk ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai alahan dan berumur di bawah 16 tahun. Sila jauhkan dari kanak-kanak untuk elakkan dari tertelan.
- Hasil pewarnaan rambut adalah berbeza-beza bergantung pada faktor kualiti rambut, asas warna rambut, suhu semasa pencelupan rambut dan lain-lain.
- Jangan gunakan produk ini dalam keadaan berikut: ruam muka atau alahan kulit kepala, keradangan atau kerosakkan, keabnormal atau luka pada kulit kepala, pernah mengalami reaksi buruk sebelum ini apabila mewarnakan rambut. Wanita hamil dilarang menguna.

Selepas Warnakan Rambut

- Jika anda mengalami gejala seperti ruam, kemerahan, bengkak, lepuh, gatal-gatal, atau rasa pedih pada kepala, muka atau leher selepas mewarnakan rambut atau selepas menggunakan produk selama beberapa hari, sila dapatkan nasihat doktor atau rawatan perubatan dengan segera.

Ujian Sensitiviti Kulit

1. Sebelum ujian, sila bersihkan belakang telinga atau bahagian pergelangan tangan anda.
2. Tekan klip di belakang sikat pencelup rambut, ambil sedikit jumlah yang sama dengan dos satu duit syiling 20 sen.
3. Gunakan kapas untuk menyapu pewarna secara rata pada kawasan yang bersih.
4. Kekalkan selama 48 jam tanpa membasuhnya.
5. Pemerhatian dijalankan selepas 30 minit - 60 minit. Jika kawasan ujian mengalami ruam, kemerahan, gatal-gatal, lepuh, atau sensasi kesemutan atau keabnormalan kulit yang lain, cuci dengan segera dan jangan warnakan rambut anda. Semasa proses ini, jika kulit anda berasa tidak normal atau ada sebarang kelainan, hentikan ujian segera dan sila jumpa pakar kulit.
6. Pewarna rambut boleh digunakan jika tiada keadaan abnormal dalam tempoh 48 jam.



Perhatian: Pada masa ujian sensitiviti kulit, elakkan dari mandi. Jika perlu, berhati-hati agar tidak basahkan atau tercuci krim ujian.



Sila baca manual ini dengan
teliti sebelum mengguna.

1. Persediaan Sebelum Warnakan Rambut

- ① Sila tanggalkan cermin mata, kanta sentuh, anting-anting, rantai dll.
- ② Untuk mengelakkan krim pewarna daripada mencemari kulit, sila sapukan krim kalis air (krim muka, krim kulit dll) dan pakai penutup telinga.
- ③ Sila pakai sarung tangan dan tetapkan dengan gelang getah untuk mengelakkan terkena kuku jari.
- ④ Sila pakai pakaian lama untuk mengelakkan baju daripada kotor.



2. Langkah Mewarnakan Rambut

Sikat Pewarna

- ① Tidak perlu mencuci rambut sebelum mewarna. Tarik klip keselamatan pada tempat menekan, tekan butang di belakang sikat pencelup rambut dan picit pes krim pewarna yang sesuai, dan sikat pada rambut dengan rata.
- ② Selepas sikat rata, masa pencelupan ialah 15-20 minit, dan masa pencelupan warna ialah kira-kira 30 minit. Jika suhu bilik kurang dari 25° C, atau rambut tebal dan keras, anda boleh bungkus rambut dengan wrap plastik dan panaskan dengan pengering rambut untuk hasil yang lebih baik.



Pembersihan



- ① Bilas pes krim pewarna dengan air bersih sehingga air jernih.
- ② Cuci rambut anda dengan syampu dan keringkan dengan tuala.

3. Cara Guna Sikat Pewarna Rambut


Senang guna dengan
satu klik dan sikat sahaja



Semasa memasang sikat, bahagian ceruk slot hadapan perlu selaras dengan bahagian yang menonjol.



Selepas selaras, masukkan dengan kuat. Jika mendengar bunyi meletus yang jelas, maksudnya pemasangan sudah berjaya.



Semasa proses pemasangan, perhatikan sama ada ada masalah limpahan pes pewarna. Jika terdapat limpahan sedikit, ia adalah situasi biasa.



Selepas pemasangan, tarik keluar klip keselamatan, pastikan produk dapat operasi dengan biasa. Hanya perlu tekan dan sikat pada rambut.

Perhatian: Semasa mengguna, arah sikat perlu konsisten dengan arah permukaan pelabelan botol

4. Panduan Bersihkan Sikat Pewarna Rambut



Untuk tidak menjejaskan penggunaan kedua, sila bilaskan baki pes krim pewarna pada sikat pencelup rambut dahulu (elakkan daripada terkena kulit). Semasa bilas, pegang botol dengan sebelah tangan, dan keluarkan gigi sikat dengan tangan sebelah. Bilas hingga bersih.